

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN HONG PIN [BAKRI]

TARIKH : 22 OKTOBER 2024 (SELASA)

SOALAN

TUAN TAN HONG PIN [BAKRI] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan setakat September 2024 berapa jumlah kenderaan yang merentas sempadan Johor-Singapura secara purata setiap hari mengikut pecahan jenis kenderaan (motokar, motosikal, bas dan lori) dan antara jumlah tersebut berapa jumlah kenderaan Singapura dan hasil kutipan *road charge* (RC) yang telah dipungut.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga bulan September 2024, setiap hari dianggarkan sebanyak 89,818 perjalanan (*trip*) dilakukan oleh pelbagai kenderaan yang merentasi sempadan Johor-Singapura melalui Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (CIQ) Bangunan Sultan Ismail (BSI) dan Kompleks Sultan Abu Bakar (KSAB). Perincian perjalanan mengikut jenis kenderaan adalah seperti berikut:

Kategori	Purata Harian Jumlah Perjalanan (<i>vehicle trip</i>)
Motokar	31,194
Motosikal	53,000
Komersial (Bas)	3,531
Komersial (Lori)	2,093
Jumlah	89,818

2. Ingin saya nyatakan bahawa jumlah ini adalah jumlah keseluruhan kenderaan merangkumi kenderaan yang didaftarkan di Malaysia dan di Singapura.

3. Untuk kategori kenderaan daripada Singapura pula, setakat bulan September 2024, sejumlah 4,397,229 kenderaan telah memasuki kedua-dua pintu masuk Johor dan Singapura dengan kutipan *road charge* (RC) sebanyak RM87,944,580.00. Secara puratanya, 16,107 kenderaan memasuki Malaysia dari Singapura setiap hari.

Sekian, terima kasih.